

AYUH MEMPERKASAKAN DAN MEMARTABATKAN

Jawi

Pengumuman kerajaan Malaysia yang menetapkan hari Jumaat sebagai Hari Jawi di seluruh negara berkuat kuasa pada 10 Julai 2020 dianggap oleh masyarakat, khususnya bagi para cendekiawan, budayawan, pendidik dan ibu bapa, sebagai suatu suntikan nafas baharu terhadap usaha menggalakkan semula masyarakat menggunakan tulisan Jawi dalam kehidupan.

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan yang turut menyokong penuh keputusan kerajaan itu menyifatkannya sebagai usaha yang tepat. Beliau yakin bahawa inisiatif ini berupaya menghidupkan dan mempopularkan kembali tulisan Jawi serta mampu meletakkannya pada martabat yang sah sebagai tulisan dalam bahasa Melayu selama hampir seribu tahun, sebelum pengenalan tulisan Rumi yang kemudian diterima sebagai tulisan rasmi bagi bahasa kebangsaan.

Generasi hari ini mungkin kurang menyedari bahawa sejak zaman Kesultanan Melayu ratusan tahun yang lalu, Jawi

menjadi tulisan bagi semua bidang, khususnya agama, undang-undang, ketatanegaraan, pentadbiran, sejarah, sastera dan persuratan serta hubungan diplomasi. Surat dan warkah perjanjian antara kerajaan di alam Melayu dengan kuasa asing, seperti Belanda, Portugal, Sepanyol dan Inggeris, pada suatu masa dahulu sememangnya ditulis menggunakan huruf Jawi. Begitu juga dengan watak rasmi istana dan kerajaan serta warkah permasyhuran dalam sesuatu upacara dan istiadat yang bertulisan Jawi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri yang mengumumkan keputusan kerajaan tentang hari



DR. AWANG

Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan,
Pengerusi Lembaga Pengelola DBP.

Jumaat sebagai Hari Jawi itu sebagai usaha mengekalkan dan memperkasakan sebahagian tradisi dan kebudayaan yang membentuk Malaysia hingga hari ini. Usul bagi cadangan itu juga yang telah dibawa dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan mendapat sokongan penuh daripada semua ahli jemaah menteri. Justeru itu, keputusan kerajaan itu tidak seharusnya dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan yang juga Penyanggah Kursi Za'ba Universiti Pendidikan Sultan Idris menjelaskan bahawa usaha untuk memasyarakatkan Jawi perlu juga dilakukan dengan memperagakan tulisannya secara jelas di tempat awam, di samping tulisan Rumi, termasuk bagi nama jabatan, institusi, organisasi serta kompleks dan premis perniagaan. Begitu juga papan tanda nama kawasan, tempat, jalan dan lorong.

Dalam hal ini, kebanyakan anggota masyarakat tidak menyedari bahawa tulisan Jawi sememangnya diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan seperti termaktub dalam Seksyen 9 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Akta itu menyatakan bahawa tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi dengan syarat tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan.

Walaupun pada awalnya mendapat penentangan daripada pihak tertentu atas sentimen keagamaan, sebenarnya pengenalan subjek pembelajaran Jawi termasuk di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang berkuat kuasa tahun ini menjadi usaha yang baik dalam sistem pembelajaran bagi

memperkenalkan kaedah penulisan dan pembacaan Jawi kepada seluruh masyarakat Malaysia.

"Sesuatu yang tidak rugi sekiranya pelajar didedahkan kepada pengetahuan asas penulisan dan pembacaan Jawi kerana kemahiran ini akan banyak membantu mereka semasa menuntut di peringkat pengajian tinggi yang kadangkala memerlukan kemahiran mereka semasa merujuk bahan-bahan ilmu dan dokumen termasuk warkah perjanjian yang tertulis dalam

Melayu di negara ini, termasuk beberapa orang pentadbir Inggeris semasa era penjajahan dahulu. Kemahiran ini amat membantu mereka menelaah dan merujuk banyak sumber bertulisan Jawi.

Sebagai organisasi utama yang merancang dan mengembangkan bahasa Melayu serta persuratan termasuk penerbitan, DBP turut membantu usaha kerajaan itu secara bersungguh-sungguh dalam menyediakan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri yang mengumumkan keputusan kerajaan tentang hari Jumaat sebagai Hari Jawi itu sebagai usaha mengekalkan dan memperkasakan sebahagian tradisi dan kebudayaan yang membentuk Malaysia hingga hari ini.


huruf Jawi," kata Profesor Datuk Dr. Awang.

Menurut beliau, walaupun berasaskan kepada tulisan Arab, tetapi keperluan memahami dan menguasai Jawi tidak harus dikaitkan dengan elemen keagamaan kerana telah terbukti keupayaan membaca dan menulis Jawi secara cekap dan mahir dalam kalangan beberapa orang ahli akademik dan budayawan bukan

bahan penerbitan dalam tulisan Jawi untuk semua peringkat umur khususnya generasi muda. DBP selama ini telah pun menerbitkan banyak bahan bacaan bertulisan Jawi yang masih terdapat sedikit bakinya dalam pasaran, juga akan meneruskan usaha itu. Hal ini penting bagi memastikan bahan bacaan bertulisan Jawi sentiasa tersedia di pasaran atau perpustakaan bagi memenuhi



Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Buku Koleksi Warisan Punca Bahasa bertulisan Jawi pernah diterbitkan oleh DBP pada tahun 1995.

Selain penerbitan buku dalam versi Rumi dan Jawi, DBP juga turut menyelitkan makalah bertulisan Jawi dalam semua penerbitan majalahnya. Usaha ini pastinya berupaya menyediakan bahan bacaan bertulisan Jawi sebagai menyokong usaha kerajaan itu.

akan bekerjasama dengan penerbitan akhbar tempatan untuk mewujudkan kolom atau sisipan Jawi melalui akhbar bagi menggalakkan penggunaan tulisan ini dalam kalangan masyarakat.

Dalam hal ini, usaha itu bukan hanya untuk menyediakan ruang untuk memaparkan teks bertulisan Jawi tetapi yang

lebih utama aspek pengenalan dan asas pembelajaran tulisan Jawi secara mudah dan berkesan kepada umum. Hal ini bertujuan menarik minat masyarakat mempelajari dan memahirkan mereka menggunakan tulisan Jawi. Pendekatan yang sama juga akan dilakukan melalui kerjasama dengan media elektronik.

Kedua-dua pendekatan mempelajari tulisan Jawi dan menyediakan bahan bacaan sedemikian merupakan kesinambungan usaha DBP sebelum ini yang telah melaksanakan beberapa kursus dan klinik tulisan Jawi untuk

masyarakat, termasuk kepada guru-guru taman didikan kanak-kanak, yang dilihat berkesan dan berjaya. Begitu juga dengan kempen dan promosi Jawi setiap hari Ahad di Kuala Lumpur bersama-sama Yayasan Budi. Lebih daripada itu, DBP juga berhasrat memelopori gerakan memperkasakan dan membudayakan Jawi peringkat kebangsaan melalui kerjasama dengan beberapa institusi, pertubuhan dan syarikat korporat dengan sasaran kepada seluruh anggota masyarakat terutama generasi muda.

Penulis, pensyarah dan kolumnis bahasa Melayu, Mahaya Mohd. Yassin, mengalu-alukan insiatif DBP sebagai suatu usaha yang tepat, penting dan bijak dalam memperkasakan Jawi. Beliau, yang merupakan mantan Ketua Satu Persatuan Penulis Negeri Sembilan

keperluan masyarakat berikutan galakan kerajaan itu .

Dalam hal ini, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP sendiri sedang merangka beberapa pendekatan termasuk menerbitkan buku bacaan popular untuk pembaca umum termasuk generasi muda dan kanak-kanak. Antaranya termasuklah novel remaja, cerita popular rakyat untuk kanak-kanak dan karya terpilih lain untuk diterbitkan dalam sebuah buku bertulisan Rumi dan Jawi.

Selain penerbitan buku dalam versi Rumi dan Jawi, DBP juga turut menyelitkan makalah bertulisan Jawi dalam semua penerbitan majalahnya. Usaha ini pastinya berupaya menyediakan bahan bacaan bertulisan Jawi sebagai menyokong usaha kerajaan itu. Tidak terhad dengan penerbitan sendiri, DBP juga



(PEN), menyarankan agar syarikat penerbitan lain juga mengikut jejak DBP untuk menerbitkan buku dan bahan bacaan dalam tulisan Jawi yang bermutu untuk masyarakat. Usaha ini juga dapat diperluaskan dengan memasukkan unsur tulisan dan huruf Jawi dalam beberapa jenis permainan santai untuk golongan dewasa, remaja dan kanak-kanak yang dapat membina kemahiran mereka mengeja dan pada masa yang sama, memupuk minat mereka kepada Jawi.

Selain DBP, beliau turut mencadangkan pelbagai pihak lain dan pertubuhan, termasuk persatuan penulis menganjurkan pertandingan membaca karya bertulisan Jawi, mencipta karya dalam tulisan Jawi serta

memindahkan teks Jawi kepada Rumi. Usaha ini akan berupaya membantu memupuk minat dan merangsang minat masyarakat untuk menulis dan membaca Jawi.

Perancangan DBP untuk bekerjasama dengan media elektronik dan media cetak bagi menyediakan bahan pembelajaran dan teks Jawi melalui kolum atau penerbitan sisipan Jawi secara khusus juga suatu inisiatif yang

baik dan dialu-alukan, seperti yang pernah dilakukan oleh akhbar *Utusan Malaysia* sebelum ini.

Mantan editor *Utusan Malaysia* terbitan mingguan sejak tahun 2006, Haji Rashid Ahmad, menganggap perancangan penerbitan sedemikian sesuatu yang baik kerana dapat memenuhi keperluan golongan yang memerlukan bahan penerbitan Jawi yang kini sukar didapati dalam pasaran, sejak *Utusan*

Malaysia menghentikan penerbitan akhbar Jawi *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* tidak lama dahulu.

Beliau juga optimis inisiatif kerajaan, termasuk melalui inisiatif DBP, membudayakan minat masyarakat menulis dan membaca Jawi akan berjaya dengan kerjasama dan sokongan padu semua pihak, termasuk sekolah, institusi pengajian, syarikat penerbitan, karyawan, pertubuhan bukan kerajaan, ibu bapa dan masyarakat umum. **DB**



Utusan Melayu yang pernah diterbitkan dalam tulisan Jawi suatu masa dahulu.

اوتماكن
بهاس ملايو
UTAMAKAN
BAHASA MELAYU

Kempen penggunaan bahasa Melayu dalam tulisan Jawi.



Papan tanda nama bertulisan Jawi.